

|            |                             |             |                     |
|------------|-----------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | Perisian kesan status halal |             |                     |
| MediaTitle | Harian Metro (Johor)        |             |                     |
| Date       | 13 Sep 2012                 | Color       | Black/white         |
| Section    | News                        | Circulation | 289,315             |
| Page No    | 2                           | Readership  | 1,981,000           |
| Language   | Malay                       | ArticleSize | 113 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A                         | AdValue     | RM 1,663            |
| Frequency  | Daily                       | PR Value    | RM 4,988            |



# Perisian kesan status halal

JOHOR BAHRU: Pengguna khasnya masyarakat Islam yang prihatin dengan kesucian dan status halal boleh mendapatkan butiran makanan dan produk mahu dibeli dengan lebih mudah menggunakan perisian ‘Verify Halal’ dihasilkan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai di sini.

Dengan menggunakan perisian bakal diperkenalkan itu, pengguna hanya perlu mengimbas kod ‘Quick Response’ (QR) disertakan bersama sijil peraku-

an halal dipamerkan pada premis berkenaan menggunakan telefon pintar dan mendapat butirannya dalam tempoh beberapa minit.

Pensyarah Kanan Fakulti Alam Bina UTM, Dr Muhammad Zaly Shah Muhammad Hussein berkata, status kesucian dan halal produk berkenaan dikelaskan menggunakan tiga petunjuk warna iaitu hijau, kuning dan merah bagi memudahkannya difahami.

“Hijau bermakna tidak perlu was-was, kuning ber-

hati-hati manakala merah menandakan pengguna dinasihati tidak memilih produk berkenaan berikutan status kesucian dan halalnya diragui atau tidak memiliki sijil halal.

“Selain itu, pengguna boleh menyemak butiran lanjut berkaitan premis berkenaan sama ada memiliki sijil halal sah, sijil halal pernah ditarik atas sebab tertentu serta pengeluar sijil halal berkenaan,” katanya, semalam.

Menurutnya, perisian Ve-

rify Halal itu boleh mengelakkan pengguna daripada tertipu berikutan ada kangan pemilik premis menggunakan sijil halal palsu mengelirukan orang ramai.

Selain itu, katanya, ada juga pemilik premis tidak bertanggungjawab menggunakan sijil halal dikeluarkan untuk premis lain tetapi mempamerkannya di kedai mereka.

“Kami bercadang mengkomersilkan perisian ini,” katanya.